

TUGASAN 1 : Pilih jawapan yang betul bagi mengisi tempat kosong.

*Klik & seret jawapan ke garisan kosong.

Hari Kebangsaan Di Sekolahku

bersorak	persembahan	mengibarkan	kekecohan	girang	tayangan	laungan
sorakan	keberanian	keramat	gambar	berkumpul	mengagihkan	bergema

Pada 29 Ogos yang lalu, Sekolah Kebangsaan Danau Kota telah mengadakan sambutan Hari Kebangsaan. Semua murid dan guru telah 1 _____ di dewan dengan pakaian berwarna-warni.

Saya memakai baju Melayu bercorak bendera Malaysia. Baju Melayu itu ditempah khas oleh ibu saya. Tepat pukul 8.00 pagi, Guru Besar menyampaikan ucapan diikuti 2 _____ "Merdeka". Dewan 3 _____ seketika. Selepas itu, para pengawas 4 _____ bendera Malaysia. Kami diminta menyanyikan lagu sambil 5 _____ bendera kecil tersebut.

Seterusnya, 6 _____ lakonan, pentomin, sajak, koir dan pertandingan baju tercantik diadakan. Kelihatan guru serta murid 7 _____ dan terhibur. Saya berpeluang mendeklamasikan sajak berjudul Pahlawanku di pentas. Kami berpeluang menonton satu 8 _____ pendek mengenai tokoh dan ahli agama yang terlibat semasa menuntut kemerdekaan. Saya berasa kagum akan 9 _____ mereka.

Acara berakhir pada jam 12.30 tengah hari. Inilah pengalaman yang amat berharga buat saya. Tarikh 10 _____ 31 Ogos wajar dikenang dan saya bangga menjadi rakyat Malaysia.

TUGASAN 2 : Salin semula petikan di atas ke dalam Buku Penulisan

mejarsyamalbanjari/skdk